



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا


DOKUMENTASI: KOLEKSI SEJARAH SEBAGAI SUMBER RUJUKAN

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Sejarah merupakan suatu yang amat penting untuk kita telusuri. Banyak pengajaran berlandaskan pengalaman dapat diungkapkan dengan mengkaji atau menilai aspek sejarah. Suka duka kehidupan terdahulu dapat kita perhatikan malah memungkinkan kita memahami dengan lebih mendalam dan terperinci akan sesuatu peristiwa. Sejarah mampu ditafsirkan dengan lebih tepat dan jelas seandainya ianya disokong dengan bukti-bukti kukuh yang mendasarinya. Persoalannya, bagaimana cara untuk kita mewariskan pengalaman bagi sesuatu peristiwa, kejadian, situasi dan pelbagai lagi perkara yang membolehkan ianya menjadi sumber rujukan pada masa hadapan. Jawapannya mudah iaitu pendokumentasian koleksi khazanah sejarah.

Berdasarkan konteks dokumentasi, ianya merupakan satu cara yang praktikal untuk menyimpan dan memelihara warisan, sejarah, budaya, pengetahuan dan pengalaman yang penting untuk individu, kumpulan, masyarakat, bangsa dan negara. Pendokumentasian merujuk kepada segala bukti pengalaman dan rakaman kehidupan yang disimpan dan dipelihara bertujuan sebagai asas rujukan masa hadapan. Ianya berfungsi sebagai koleksi khazanah sejarah yang menyimpan segala informasi yang mempunyai nilai sejarah pada masa hadapan. Mungkin ketika ini sesuatu perkara yang berlaku tidak begitu dipandang serius darisegi fungsi, kesan atau impaknya tetapi ianya mungkin akan menjadi sumber sejarah yang tinggi nilainya pada masa hadapan.

Apabila kita berbicara dalam konteks pelajar universiti, terdapat banyak perkara yang perlu untuk didokumentasikan terutamanya apabila memperkatakan tentang segala bentuk aktiviti yang mendasari hala tuju universiti. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kelab, persatuan, fakulti ataupun atas nama universiti merupakan perkara yang harus didokumenkan. Segala bentuk penglibatan pelajar, penganjuran acara, aspek kejayaan dan detik-detik berlangsungnya sesuatu aktiviti merupakan peristiwa berharga kepada universiti. Rakaman perjalanan ini haruslah disimpan dan dipelihara serta digunakan sebagai rujukan kecemerlangan dan harus diwarisi pada generasi akan datang.



Terdapat banyak kepentingan dan peranan dokumentasi ini jika kita perhalusi satu persatu. Kesemuanya saling berkaitan dan mempunyai fungsinya yang tersendiri seperti tujuan pendidikan, penyelidikan, warisan, rujukan dan pelbagai lagi. Cuma pada penulisan kali ini, penulis akan membincangkan fungsinya sebagai sumber rujukan masa hadapan. Ini dirasakan relevan untuk diletakkan sebagai fokus utama bagi pelajar dalam menghasilkan dokumentasi aktiviti yang bakal dan telah dilaksanakan. Teras rujukan adalah menjurus kepada rujukan pelajar dan juga masyarakat luar iaitu orang awam.

Pada dasarnya, terdapat dua kaedah yang boleh dilakukan dalam proses dokumentasi iaitu samada dalam bentuk cetakan seperti penulisan laporan yang dihiasi dengan gambar aktiviti, jadual acara, carta sokongan dan lain-lain yang berkaitan. Ianya juga boleh hadir dalam bentuk audio visual iaitu gambar bergerak yang dirakam menggunakan teknologi penggambaran seperti kamera video atau telefon pintar. Kedua-duanya mempunyai keistimewaan yang tersendiri bergantung kepada tujuan carian iaitu mendapatkan informasi secara ringkasan padat melalui penceritaan melalui penulisan laporan dan naratif bergambar atau menganalisa secara terperinci berkenaan suasana lokasi dan waktu, memahami situasi aktiviti, kepelbagaian penyertaan dan sambutan serta lain-lain yang berlandaskan gambaran lengkap berkenaan sesuatu aktiviti yang berlangsung.

Fungsi sebagai sumber rujukan pada masa hadapan adalah sangat penting terutamanya kepada pelajar. Ianya dapat membantu kepada sesiapa sahaja yang melakukan pencarian untuk dimanfaatkan dalam melakukan aktiviti yang lebih efektif. Pelajar boleh melakukan rujukan dalam menentukan arah tujuan dan objektif aktiviti-aktiviti yang bakal dirancang. Dengan rujukan yang ada, pelajar akan dapat menyesuaikan perkara-perkara dasar seperti tema, objektif, kandungan aktiviti, khalayak/penyertaan dan pelbagai informasi sokongan yang diperlukan. Penambahbaikan akan dapat dilakukan dengan mudah bersandarkan sumber rujukan yang ada kerana sudah pasti perubahan sememangnya akan berlaku mengikut kesesuaian masa. Melalui dokumentasi pelaporan bergambar atau audio visual akan memberikan gambaran jelas yang memungkinkan penambahbaikan dilakukan dengan lebih terancang dan berkesan.

Dokumentasi ini juga dilihat berperanan sebagai acuan kecemerlangan pelajar dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan. Melalui tatapan naratif visual, pihak luar universiti iaitu orang awam juga mampu untuk memperoleh informasi dengan cara yang terancang melalui pendekatan berbeza.



Dokumentasi audio visual tidak bersifat statik seperti penulisan laporan.

Ianya boleh dipersembahkan melalui pelbagai cara yang lebih menarik dan mendalam melalui konteks yang cuba dipaparkan seperti video promosi, klip wawancara dengan pihak penganjur dan pengunjung, pengisian slot atau segmentasi yang dirancang, pesanan penaja dan banyak lagi konsep audio visual yang mampu untuk dipraktikkan. Yang pasti ianya akan meliputi semua peringkat iaitu proses sebelum, semasa berlangsung dan selepas berakhirnya program. Kesemuanya ini jika diadun dengan baik mampu untuk menjadikannya rujukan utama pada masa hadapan. Kelangsungan yang tidak dapat dinafikan.

Ringkasnya, segala dokumentasi ini akan menjadi koleksi sejarah bagi rujukan pada masa hadapan bagi pelajar baharu, kelangsungan program secara berterusan, titian perjalanan sesebuah persatuan/kelab, bukti kecemerlangan pelajar dan dinamika sesebuah universiti. Asalkan ada perancangan secara terancang dalam memperkasakan dokumentasi bercetak atau audio visual ini sudah pasti ianya akan mencipta hasil yang baik. Kesenambungan dokumentasi sejarah ini harus diteruskan demi mewariskan sumber rujukan yang dapat dimanfaatkan secara efektif sebagai sumber yang kaya dengan informasi yang bermakna dan rangkuman koleksi berharga.

